

Helo Kampus

f helo kampus

kampus@utusan.com.my

NCiE-TVET semarak budaya inovasi penyelidikan



SHABUDIN MAN (tengah) dan **Norlida Abd. Razak** (tiga dari kiri) melancarkan gimik pelancaran Persidangan NCiE-TVET kali ke-6, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

INOVASI adalah perubahan cara berfikir untuk mendapatkan hasil atau produktiviti yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Ia bukan hanya berkaitan sains dan teknologi semata-mata.

Inovasi juga bukan hanya untuk golongan profesional tetapi perlu difahami masyarakat dari pelbagai taraf sosial tidak kira di bandar atau pedalaman. Budaya inovasi penyelidikan

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



perlu diberi keutamaan dalam sistem pendidikan Malaysia dalam merealisasikan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh ke arah meningkatkan bidang



penyelidikan yang dipacu industri dan dipacu permintaan dalam sektor industri dan komuniti.

Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

(Polisas), **Norlida Abd. Razak** berkata, justeru penganjuran Persidangan Pendidikan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (NCiE-TVET) bertepatan diadakan sebagai penanda aras kepada tenaga akademik dalam idea penyelidikan serta menentengahkan idea habaru inovasi berimpak tinggi untuk dikomersialkan.

“Tumpuan berterusan dalam

penyelidikan dan inovasi juga adalah penting dalam memastikan universiti awam termasuk politeknik Malaysia untuk kekal relevan di dalam bidang pendidikan.

“Justeru, pelaksanaan program NCiE-TVET ini amat penting untuk memberi galakan ke arah mengekalkan daya saing dalam arena teknikal dan vokasional (TVET),” katanya.

NCiE-TVET diadakan dengan

kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, dan Management and Science University (MSU).

Persidangan NCiE-TVET kali ke-6 ini telah diadakan Polisas, Kuantan, Pahang pada 27 hingga 28 September lalu dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pendidikan Politeknik, **Shabudin Man**.

Sementara itu, Shabudin berkata, persidangan selama dua hari itu diharapkan dapat menyumbang buah fikiran, melestarikan institusi pendidikan dan mengembangkan proses penyelidikan dan inovasi.

“Penemuan-penemuan baharu mahupun input yang diperolehi sepanjang persidangan ini diharap mampu menyumbang kepada penambaan kurikulum TVET seterusnya dapat meningkatkan kualiti modal insan negara kita,” katanya.

Penyampai ucap-tama persidangan terdiri daripada CEO PKT Logistics Group Sdn. Prof. Datuk Michael Tio dan Pensyarah Universiti Sains Malaysia, Prof. Ramayah Thurasamy.

Sebanyak 108 kertas penyelidikan telah dibentangkan meliputi pelbagai bidang kejuruteraan, perniagaan dan logistik, pendidikan, pedologi dan sains sosial yang berkaitan dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.



SEBAGIAN daripada delegasi yang hadir pada Persidangan NCiE-TVET kali ke-6.